

Sorotan FMT sepanjang 2013

Free Malaysia Today

1 January , 2013

By Zefry Dahalan

Bahagian Pertama

Tahun 2013 merupakan tahun yang 'panas' umumnya bagi rakyat Malaysia khususnya kepada parti politik sama ada Barisan Nasional (BN) mahupun Pakatan Rakyat. Tahun 2013 bermula dengan teka-teki bilakah 'ibu' kepada Pilihan Raya iaitu Pilihan Raya ke-13 (PRU-13) akan diadakan.

Tarikh yang dinanti-nanti tiba pada 05 Mei 2013. Selepas PRU-13, suasana politik seperti 'suam' seketika. Walau bagaimanapun suasana 'cooling period' tidak bertahan lama apabila tanggal 02 September 2013, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan kenaikan harga petrol dari RM1.90 seliter kepada RM2.10 seliter atau dalam bahasa yang lebih molek, rasionalisasi subsidi.

Seterusnya pengumuman demi pengumuman memanasakan semula suasana politik dan menghangatkan semula sentimen rakyat.

Penulis mahu menyingkap semula antara peristiwa menarik yang pernah dilaporkan oleh FMT sepanjang tahun 2013.

Januari 2013

alam ceramah Pra Himpunan Kebangkitan Rakyat 'Menuju #KL 112-Sejuta Rakyat' di Seremban, Ahli Jawatankuasa Pemandu Himpunan Kebangkitan Rakyat, Hishamuddin Rais berkata penggunaan dakwat kekal masih tidak mampu menghalang penipuan pada hari mengundi.

Ini kerana sistem dan cara penggunaan dakwat itu oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) berbeza dengan yang dituntut Gabungan Pilihanraya Bersih dan Adil (Bersih) dan Pakatan Rakyat.

Hishamuddin berkata sepatutnya dakwat di calit pada jari selepas pengundi membuang kertas undi dan bukannya sebelum mengundi.

MIC Negeri Sembilan menyatakan keyakinan akan 'mengambil' semula kerusi-kerusi yang parti itu kalah pada PRU-12 iaitu Parlimen Telok Kemang dan DUN Port Dickson selain mengekalkan kerusi dUN jeram Padang.

DAPSY diwakili Ketua Pemuda Teo Kok Seong ditemani Ketua Cabang PKR Jempol, Karip Mohd Salleh dan Yang DiPertua PAS Jempol, Abdul Rahman Ramli membuat satu laporan polis terhadap Timbalan Menteri Pelajaran, Dr Mohd Puad Zakarshi di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Bandar Seri Jempol.

Laporan polis dibuat berhubung apa yang dianggap sebagai laporan oleh Puad di dalam

akhbar Utusan Malaysia, Berita Harian dan New Straits Times Selasa lalu kononnya DAP merancang mencetak 100,000 nashah Bible berbahasa Melayu yang menggunakan kalimah Allah.

Sekumpulan peneroka dari Felda Palong 12, Jempol, Negeri Sembilan melahirkan rasa tidak puas hati terhadap pengurusan Felda yang mereka dakwa gagal menguruskan proses tanam semula dengan sempurna.

Peserta yang ditemui di Himpunan Kebangkitan Rakyat (HKR) di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur pada 12 Januari, berkata, mereka mahu menukar kerajaan pada pilihanraya umum akan datang.

PAS dan DAP dinasihatkan jangan menyusahkan diri sendiri dalam isu-isu sensitif dengan mengeluarkan kenyataan umum tanpa dibincangkan dalam pertemuan tertutup.

Februari 2013

PAS Negeri Sembilan mencabar Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pilah, Adnan Abu Hassan agar mengisytiharkan harta dan kepentingan-kepentingan beliau.

Ketua Penerangan, Nor Azman Mohamad mempertikaikan kedudukan Adnan sebagai salah seorang pemegang saham dalam sebuah anak syarikat milik kerajaan negeri iaitu Negeri Roadstone Sdn Bhd.

Hasrat Felda memperuntukkan kira-kira RM80 juta sehingga RM100 juta bagi membina stadium bolasepak untuk kegunaan pasukan bolasepak Felda United di Bandar Tun Abdul Razak, Jengka menimbulkan tandatanya apakah ianya satu keperluan mustahak kepada Felda di kala kedudukan kewangan Felda menimbulkan persoalan.

Kepimpinan PAS Seremban dan Pemuda PAS Negeri Sembilan membuat satu laporan polis terhadap Mohd Abi Naufal Mohd Sohaimi serta tujuh lagi pemuda yang mengadakan bantahan meminta PAS keluar dari Pakatan Rakyat di Seremban.

Laporan polis itu dibuat di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seremban berhubung kenyataan media Mohd Abi Naufal yang mengaku beliau dan tujuh pemuda yang terbabit dalam bantahan merupakan ahli PAS.

Teka teki PRU-13 menjadi topik hangat saban hari di dada akhbar mahupun di dalam portal berita. Bulan Mac menjadi pilihan ramalan media dan penganalisis politik.

Dalam sebuah sidang akhbar yang diatur oleh ADUN Senawang, P Gunasekaran (DAP) empat individu mengaku mereka tidak pernah berdaftar sebagai ahli parti PPP sebaliknya menerima kad keahlian menerusi pos.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sekinchan, Ng Suee Lim dari DAP melabelkan singkatan nama parti komponen Barisan Nasional (BN) iaitu MCA sebagai 'Mau Cari Angpow'.

"MCA berjuang demi fulus (duit)! Angpow! Bukan demi rakyat. Apa yang mereka fikirkan

hanya jawatan. Bergaduh sampai menangis untuk jawatan,” katanya.

Mungkin merasai risiko Negeri Sembilan bakal tumbang ke tangan Pakatan Rakyat pada PRU-13, Perdana Menteri Najib Tun Razak mengadakan lawatan kerja ke Negeri Sembilan sebanyak empat kali dalam tempoh 12 bulan. Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pula berkunjung ke Negeri Sembilan sebanyak lima kali dalam tempoh yang sama.

Menariknya kebanyakan program kedua-dua pemimpin ini dianjurkan di kawasan yang dimenangi oleh Pakatan Rakyat pada PRU-12.

Menjelang pilihan raya umum ke-13 (PRU-13) yang akan diadakan dalam masa terdekat, cabaran Pakatan Rakyat khususnya PKR dan PAS dijangka getir di kerusi-kerusi yang majoriti pengundinya merupakan peneroka FELDA dan anak peneroka FELDA.

Mac 2013

Dewan Undangan Negeri Negeri Sembilan dibubar secara automatik pada 26 Mac selepas cukup tempoh lima tahun walaupun Najib belum membubarkan parlimen.

Pemimpin Pakatan Rakyat menyerahkan memorandum kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia berhubung dakwaan pembalakan haram dan penerokaan hutan di Negeri Sembilan.

Ahli Parlimen Kapar, S Manikavasagam dari PKR menggambarkan Najib berada dalam keadaan terdesak dan mungkin sanggup mengambil kavadi untuk mendapatkan undi kaum India.

Ceramah PAS dan BN Felcra Air Hitam, Jempol, berakhir dengan insiden baling-membaling termasuklah melemparkan telur tembelang telah mencetuskan ketegangan antara dua pihak tersebut sebelum dihentikan oleh pihak polis. Insiden ini mengakibatkan tiga penyokong PAS cedera.

Pemimpin PKR Negeri Sembilan, Dr Mohamad Rafie Abdul Malek menyifatkan; pendedahan-pendedahan membuktikan peruntukkan Kementerian Pertahanan menjadi lubuk untuk pimpinan BN kayakan diri atau kroni mereka.

“Contohnya pembelian kapal selam Scorpene, komisyen RM500 juta dibayar kepada Perimekar yang dimiliki Abdul Razak Baginda.

“Eurocopter EC275 dibeli pada harga RM190 juta seunit. Brazil membeli model yang sama dengan harga hanya RM82 juta. Jelas kerajaan beli dengan kos yang lebih mahal iaitu perbezaan sebanyak RM108 juta,” kata beliau.

Dipercayai ekoran insiden baling-membaling di Felcra Air Hitam ketika ceramah berlangsung, seramai 14 ahli Umno Cawangan Felcra Ayer Hitam di Jempol, Negeri Sembilan mengistiharkan keluar parti dan menyertai PAS.

Pengistiharan itu dibuat pada satu majlis ceramah anjuran PAS Jebebu di Felcra Ayer Hitam

malam kelmarin.

Pakatan Rakyat Negeri Sembilan selesai muktamadkan pembahagian kerusi tetapi BN masih belum mengumumkan pembahagian kerusi mereka di Negeri Sembilan.

DAP Negeri Sembilan mendedahkan bahawa pihaknya berjaya mengesan 100 pengundi 'hantu' di Dewan Undangan Negeri (DUN) Lobak, Seremban.

April 2013

Program 'Treler Jelajah Negara Berkebajikan' yang berlangsung selama dua hari di Negeri Sembilan, memberi bayangan bahawa PAS Negeri Sembilan sudah bersedia dengan calon Pilihan Raya mereka .

Senarai calon BN di Negeri Sembilan untuk menghadapi PRU-13 nanti masih dalam proses saringan, kata Menteri Besar Datuk Seri Mohamad Hasan.

Beliau menegaskan, "kita dah hantar senarai nama calon tetapi masih di peringkat awal lagi. Ada beberapa nama calon yang masih dibincangkan dan sebelum nama calon itu dimuktamadkan".

Bercakap kali pertama di Negeri Sembilan, Pengerusi Bersih, Datuk S Ambiga menyeru rakyat menggunakan hak mengundi dan keluar ramai-ramai untuk mengundi pada PRU-13.

Penyanyi popular era lewat 80 an dan awal 90 an , Wan Aishah Wan Ariffin atau lebih dikenali sebagai Aishah 'Janji Manismu' mencipta sejarah sebagai artis pertama yang menjadi calon parlimen dalam sejarah pilihan raya negara.

Aishah dicalonkan oleh PAS untuk bertanding di Parlimen Jempol dan pesaing beliau ialah bekas Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad.

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim kecam pemimpin Umno yang memburukkan beliau dengan pelbagai gelaran termasuk 'Anwar Jamalul Kiram' mengambil nama Sultan Sulu.

Pertandingan tiga penjurong di DUN Semenyih, apabila PKR dan Parti Sosialis Malaysia menurunkan calon masing-masing berhadapan dengan calon BN.

Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang menyifatkan cadangan satu negara satu bahasa sebagai cadangan dangkal kerana rakyat Malaysia seharusnya bangga dengan kepelbagaian bahasa.

"Pelbagai bahasa memungkinkan kita berkongsi terma yang akan mengkayakan lagi bahasa itu sendiri," ujar beliau.

Bekas Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ali Rustam diumumkan bertanding di parlimen Bukit Katil.

Calon BN untuk DUN Johol, Fadzil Abu Kassim menarik diri pada saat-saat akhir atas

perpaduan parti dan digantikan dengan Abu Samah Mahat.

Aktivis reformasi, Hishamuddin Rais, memberi ingatan bahawa jika berlakunya unsur penipuan dalam PRU-13, rakyat tidak akan teragak-agak turun ke jalanraya menuntut keadilan.

PAS Negeri Sembilan mendedahkan bahawa dakwat yang dicalit pada jari pengundi awal iaitu anggota tentera boleh dicuci dan hilang selepas lebih kurang 20 minit mengundi.

Setiausaha Perhubungan PAS negeri, Mohamad Hassan Tamby yang menghubungi FMT berkata pihaknya mempunyai bukti bergambar bahawa dakwat yang dicalit di jari seorang anggota tentera di sebuah kem tentera di Telok Kemang, telah hilang apabila dicuci, hanya selepas 20 minit anggota tentera itu selesai mengundi.

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/opinion/2014/01/01/sorotan-fmt-sepanjang-2013/>